

10/05/1998

Berita baik bukan berita

BRITAIN mengamalkan dasar kebebasan berakhbar yang memberi kebebasan sepenuhnya kepada media massa dalam menjalankan tugas mereka.

Sehubungan itu, Kerajaan Britain tidak dapat mengambil tindakan terhadap pertubuhan media massa yang menyiarkan berita atau laporan berat sebelah atau tidak benar sama sekali.

Jawapan ini diberikan oleh seorang jurucakap Kerajaan Britain ketika mengulas isu dua akhbar di negara itu yang menyiarkan berita palsu mengenai proses penghantaran pulang pendatang ke Indonesia.

Apa yang jelas Kerajaan Britain tidak mempunyai kuasa untuk mengambil tindakan terhadap media massa di negara itu.

Apa yang perlu dilakukan ialah pihak terbabit membuat bantahan terhadap pertubuhan media massa itu.

Itulah kebebasan akhbar di Britain hinggakan kerajaan tidak mempunyai kuasa undang-undang terhadap mereka.

Dalam erti kata lain - tulis dan laporkan apa saja yang mereka suka.

Pokoknya akhbar laris, dapat tarik ramai penonton dan lebih penting dapat `menjalankan agenda tertentu masing-masing.'

Memang sikap akhbar Barat yang menggunakan media massa sebagai senjata penting untuk melemahkan `musuh' atau orang yang dianggap bakal mencabar mereka.

Dalam hal ini, Malaysia tidak terkecuali dan golongan tertentu di belakang media massa Barat akan menggunakan setiap kesempatan dan peluang yang ada untuk mengkritik dan memburuk-burukkan negara.

Laporan yang buruk mengenai Malaysia sudah tentu mendapat perhatian mereka.

Ketika krisis kewangan dan jerebu melanda Malaysia tahun lalu, akhbar-akhbar Britain yang jarang sekali menyiarkan berita mengenai Malaysia mula menyiarkan berita itu hampir setiap hari.

Ada akhbar berwibawa turut menjadikan berita jerebu dan krisis ekonomi Malaysia sebagai berita utama muka depan akhbar masing-masing.

Perkara ini bukanlah satu keanehan, tetapi memang dirancang sebegitu dan tepat pada waktunya untuk `mengenakan' Malaysia.

Selama hampir dua setengah tahun bertugas di Britain, saya jarang sekali melihat nama Malaysia terpapar di muka akhbar atau televisyen mereka.

Contohnya, kedatangan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan pemimpin negara lain yang mengadakan lawatan rasmi di negara itu bukanlah berita penting bagi mereka.

Penjelasan pemimpin negara terhadap perkara sebenar turut bukan perkara yang perlu disiarkan.

Pokoknya perkara baik bukanlah bahan berita penting bagi mereka.

Saya juga masih ingat, bagaimana media massa Britain membuat laporan mengenai keadaan jerebu di Asia Tenggara tahun lalu. Jerebu teruk melanda Indonesia, bagaimanapun tumpuan mereka tetap ke Malaysia.

Pada waktu itu, hampir setiap hari ada laporan mengenai jerebu. Stesen televisyen berlumba-lumba membuat liputan terbaik, termasuk mengadakan lintas langsung dari Malaysia.

Antara lain pemberita yang mengulas masalah itu berkata : "Di belakang saya adalah bangunan tertinggi dunia, bagaimanapun kerana masalah jerebu teruk, bangunan itu hilang daripada penglihatan."

Mereka sudah tentu tidak akan mengiyakan Menara Berkembar Petronas sebagai bangunan tertinggi dunia dengan membuat satu laporan khas

mengenainya.

Tetapi bagi menunjukkan keadaan jerebu teruk di Malaysia, mereka mengambil menara itu sebagai kayu pengukur untuk menjelaskan keadaan pada waktu itu.

Itulah media massa Barat.

Bagaimanapun, selepas masalah jerebu reda, media massa Britain tidak sedikit pun menyiarkan keadaan sudah pulih.

Pokoknya berita keadaan jerebu pulih bukanlah berita bagi mereka, tetapi keadaan berjerebu teruk di Malaysia adalah berita yang tidak boleh dilepaskan.

Saya juga masih ingat ketika Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Sabruddin Chik mengadakan sidang akhbar khas untuk wakil media massa asing mengenai jerebu di London, tahun lalu.

Ramai juga wartawan yang hadir pada hari itu, tetapi pada keesokan harinya dan hari-hari berikutnya tidak nampakpun sebaris ayat mengenai penjelasan bahawa keadaan jerebu di Malaysia sudah pulih.

Itulah yang dikatakan oleh pemimpin kita - "berbuih-buih mulut kita menjelaskan keadaan sebenar, tetapi mereka tetap tidak mahu menyiarkannya."

Apa lagi untuk meminta maaf terhadap kesalahan mereka yang berani membuat fitnah, tetapi tidak berani mengaku salah. Itulah hakikatnya media massa Barat.

(END)